

SALAH TANGGAP MENGENAI JIHAD

MENGAPAKAH pengganasan atas nama Islam berlaku? Apakah ia menepati segala syarat sebagai *jihad fi sabilillah* (perjuangan di jalan Allah?)

Umumnya, para pakar akur bahawa erti atau takrif pengganasan atau terorisme ialah **menggunakan cara ganas seperti serangan bersenjata dan pembunuhan demi menakut-nakutkan orang awam dalam rangka mencapai tujuan politik**. Dari segi takrif tadi, ternyata pengganasan tidak pernah terdapat dalam kamus Islam. Tetapi mengapa fenomena ini berlaku?

Yang jelas sudah berlaku penyelewengan atau kekeliruan besar sehingga *jihad* dikaitkan dengan pengganas. Sekurang-kurangnya penyelewengan tadi berlaku kerana dua dimensi:

Pertama, *jihad* dan pengganasan ditimbulkan oleh gerakan pembangkit Islam yang bermula di Timur Tengah, khususnya di Palestin. **Kedua**, ia merupakan diayah di kalangan bukan Islam, terutama Eropah sewaktu Perang Salib, lebih sealaf lalu. Tradisi ini kemudian dijuarai oleh sesetengah orientalis (pengkaji mengenai Islam dan hal-hal ketimuran) dan dihebahkan pula oleh media Barat.

PUNCA SALAH TANGGAP BEBERAPA GERAKAN PEMBANGKIT ISLAM

Gerakan pembangkit Islam berlaku di seluruh bahagian dunia, terutama sejak zaman penjajahan Barat di rantau negara Islam. Memang tiada salahnya membela kemerdekaan watan. Namun selepas penjajah Barat berundur, ternyata kegiatan gerakan tadi tidak terhenti di situ saja seperti yang berlaku di Mesir. *Ikhwanul Muslimin* (1924) pimpinan Hassan al-Bana terus menuntut cara Islam diperluas demi menggantikan sistem sekular sosialis Mesir. *Ikhwan* pernah menyokong Gamal Abdel Nasser untuk menggulingkan Raja Farouk. Tetapi tuntutannya selepas itu dan keengganan pentadbiran Nasser telah menimbulkan pertikaian. Ramai anggota *Ikhwan* dipenjarakan dan didera. Hal ini mencetuskan kemarahan di kalangan anggota *Ikhwan* sehingga ada di kalangan anggota *Ikhwan* menubuahkan kumpulan sendiri dan sanggup mengambil langkah pengganasan demi membala tindakan zalim pihak berkuasa. [Gerakan *Ikhwan* berkembang di kebanyakan negara-negara Arab atau Muslim. Lelamannya mendakwa *Ikhwan* kini berada di 70 buah negara. Beberapa golongan yang berpecah daripada golongan besar *ikhwan* bertindak secara *jihad* ketenteraan (militan) apabila gagal dalam proses pilihan raya. Cara mereka telah memberikan

ilham kepada banyak gerakan Islam sama ada menuntut kemerdekaan atau pemerintahan Islam.]¹

Perhatian dunia terhadap gerakan Islam berkaitan dengan isu Palestin. Kehadiran Israel yang menduduki tanah rampasan Palestin memang melanggar puluhan ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu. Israel diasaskan dengan serangan pengganas Haganah dan sebagainya ke atas petempatan Palestin selepas tamat Perang Dunia Kedua. Britain diberikan mandat untuk memelihara kepentingan Palestin tetapi tidak dapat mempertahankannya. Anehnya dengan sokongan Barat, khususnya Amerika Syarikat, Israel terus berkembang dengan merampas seluruh tanah Palestin. Atas pertimbangan sejarah tadi, maka muncullah gerakan seperti Hamas dan Al-Jihad yang telah melancarkan keganasan ke atas Israel, termasuk mengebom kawasan awam. Para ulama yang menjadi ketua gerakan-gerakan ini telah cuba memberikan fatwa akan sandaran pengganasan dibolehkan atas nama *jihad*.

Pada hal, majoriti ulama tidak setuju tindakan mengebom tempat awam yang boleh mengorbankan wanita dan kanak-kanak. Malahan majoriti ulama menolak tindakan membunuh diri oleh Muslim atas alasan tidak mahu ditangkap dan didera dalam melaksanakan misi mereka.

Terdapat beberapa kumpulan gerakan pembangkit Islam yang menimbulkan penafsiran bahawa *jihad* sekurang-kurangnya bermakna dua konsep:

Pertama, strategi dan pelaksanaan perang (*qital*) dengan menjadikan cogan kata atau semboyan *yuqtal au yaghlib* (berperang atau tewas) sebagaimana dipaparkan dalam ‘Dakwah & Jihad Abu Bakar Ba’asyir’ (April, 2003).

[Kedua, *jihad* dianggap tambahan kepada rukun Islam kelima atau fardu ‘ain iaitu mengucap dua kalimah syahadah, solat, zakat, puasa dan haji. *Jihad* lebih daripada sekadar berperang. Ertinya amat luas (sila rujuk Bab Kedua Erti *Jihad* menurut al-Quran dan Bab Ketiga: *Jihad Zaman Rasulullah saw*).]²

Salah penafsiran, sama ada disengajakan atau tidak, terdapat dalam semua agama dan fahaman, menurut pengkaji agama Karen Armstrong. Dalam konteks Islam, peringatan keras sudah diberikan sealaf lalu oleh Imam al-Ghazali yang memberi amaran kemunculan ulama su’ (ulama sesat) yang memberikan tafsiran salah kepada Al-Quran dan Hadis sehingga membawa padah kepada ummah.

¹ Petikan dari “Muslim Brotherhood Movement”, <http://www.ummah.org.uk/ikhwan>.

² Petikan dari “The Ideal and The Real Treatment of Women in Islam” oleh M. Bin Talal. <http://islam.jeelan.com/muslimwomen.html>.

Menurut mantan menteri agama Indonesia dan mufassir ternama, Prof Quraish Shihab, [antara punca penafsiran yang tidak tepat mengenai Islam ialah apabila ulama membuat penilaian secara harfiah (literal) dan bukan menilai pada konteks sebab-sebab ayat Quran diturunkan (asbabun nuzul) serta keadaan kini.]³

Pendekatan harfiah (literal) tadi dilakukan oleh kumpulan Sanusiyah di Libya, pengikut aliran Wahhabi di Arab Saudi dan gerakan politik Islam, Jama-et-Islami di Pakistan, jelas Prof Quraish.

"Penafsiran harfiah terhadap Quran dan Hadis boleh mengelirukan dalam konteks kehidupan kini. Malangnya kumpulan-kumpulan ini hanya berfikir mereka saja yang betul dalam membuat tafsiran dan tidak peduli akan pandangan dan teguran majoriti ulama," tegas Prof Quraish.

PENGEMBANGAN PENGGANAS MUSLIM

Pengganasan Muslim sedunia dapat disusur daripada kisah Afghanistan dijajah Soviet Union (1979-89). Maka terbentuk kumpulan pejuang Mujahidin yang merupakan gabungan pelbagai kumpulan kaum di negara bergenung-ganang ini. Pada awalnya, perjuangan Mujahidin bertujuan membebaskan watan mereka daripada cengkaman Soviet, dan ini telah mendapat sokongan dunia termasuk Barat. Perjuangan ini sudah tentu adalah disuruh oleh Islam justeru untuk membebaskan negara dari jajahan komunis. Malah para pemimpin Mujahidin telah diterima dengan hamparan permaidani merah di Rumah Putih sewaktu pentadbiran Ronald Reagan. Setelah Mujahidin Afghan berjaya menyingkirkan Soviet, berlaku pula perang saudara di negara malang ini. Akhirnya Taliban berjaya menguasai tiga suku negara ini.

Rupa-rupanya apa yang terjadi di Afghanistan telah mencetuskan dorongan baru untuk memperhebatkan gerakan pembebasan Muslim di seluruh dunia, terutama di negara yang masih tertindas seperti Chechnya, Palestin, Xinjiang dan selatan Filipina. Ini termasuk pembentukan pasukan nekad yang sanggup membiarkan dirinya terbunuh dalam melakukan misi pengeboman di tempat awam. Mujahidin menarik ramai relawan dari pelbagai negara. Antara mereka termasuklah relawan Arab Saudi seperti Osama bin Laden yang telah menggunakan kekayaannya untuk membangunkan rangkaian al-Qaeda . Dengan bantuan Taliban, Osama melatih para anggota yang ahli dalam pelbagai aspek serangan, termasuk pembuatan bom.

³ ceramahnya pada 25 Jun 2003, anjuran Majlis Ba'alwie di Singapura

Sewaktu pemerintahan Taliban, berlaku pembentukan visi untuk membentuk Daulat Islamiyah sedunia dengan melancarkan serangan ke atas kepentingan Barat dalam rangka membebaskan negara atau penduduk Islam.

Memang jelas di negara-negara majoriti Islam terdapat masalah pemerintahan yang rasuah, tidak cekap dan zalim dan menjadi talibarut Barat kerana menginginkan perlindungan dan bantuan Barat, sebab Barat turut membantu negara-negara ini.

CARA KEKELIRUAN TAFSIR BERLAKU

- **Memesongkan Maksud Firman**

Memang sukar untuk menuding jari dengan pasti ulama atau cendekiawan Islam yang telah menyalahertikan tafsiran salah mengenai *jihad*. Namun yang jelas ayat Quran dan Sunnah telah ditafsirkan untuk membolehkan pengganasan dibuat atas nama *jihad*. Hayati contoh berikut:

Contoh penafsiran salah ertikan ayat Quran

"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang pada jalan Allah; lalu mereka membunuh atau terbunuh. (Itu telah menjadi) janji yang benar dari Allah di dalam Taurat, Injil dan Al-Quran. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu dan itulah kemenangan yang besar."⁴

⁴ Surah At-Taubah:111

Surat at-Taubah yang satu-satunya tanpa kalimat Bismillah, diturunkan di Madinah. Jadi ia digolongkan dalam Surah Madaniyyah. Bagaimanakah keadaan atau senario waktu itu?

Umat Islam yang kecil jumlahnya baru saja dibentuk di Madinah. Namun mereka tidak putus-putus menghadapi serangan musyrikin Makkah, yang dibantu oleh militant kaum Yahudi dan Nasrani. Lantaran itu, turunlah ayat ini yang menyuruh Nabi saw agar berperang dengan tujuan MEMBELA DIRI atau defensif.

Sebenarnya, perang atau pertumpahan darah amat dibenci oleh Rasulullah saw kerana jiwanya yang amat cintakan damai. Sesungguhnya Rasulullah saw diutus ke dunia sebagai “rahmat seluruh alam”. Namun demi menyelamatkan umatnya, Nabi saw menghadapi 26 peperangan tetapi hanya tiga saja yang disertainya (Badr, Uhud dan Khandak). Jumlah masa yang disertainya, menurut para sejarawan ialah satu hari setengah, 36 jam saja.

Proses dakwah Rasulullah saw bermula secara sembunyi-sembunyi dan kemudian terang-terangan di Makkah. Masyarakat Quraisy begitu marah dan telah menganiaya umat Islam. Lantaran itu, Rasulullah saw menggalakkan umat Islam berhijrah termasuk ke Habsyah. Raja Habsyah beragama Kristian tetapi beliau berhati ihsan untuk memberi suaka kepada umat Islam. Apabila nyawanya benar-benar terancam selepas ketiadaan isterinya, Khadijah dan pamannya, Abu Talib, Rasulullah saw memutuskan untuk berhijrah ke Madinah. Sesudah berada di Madinah, Rasulullah saw tidak dapat berhijrah lagi. Jadi, berperang demi jalan Allah (*qital fi sabilillah*) terpaksa dilalui Baginda dengan amat berat hati. Maka turunlah ayat ini yang mengizinkan berperang demi menyelamatkan agama dan nyawa.

[Dalam konteks perang bela diri, antara usaha Nabi saw ialah mengelakkan pertempuran berlaku di Madinah yang kesannya tentulah memusnahkan jiwa dan harta benda. Oleh itu, Baginda memimpin ekspedisi ke Tabuk ekoran berita bahawa tentera Rom bakal menyerang Madinah. Tetapi perang tidak berlaku kerana Rom tidak datang menyerang.]⁵ Namun terdapat segelintir ahli agama yang sudah tersilap lalu mendorong beberapa gerakan pembangkit Islam menyifatkan ayat ini sebagai ‘lesen’ untuk membolehkan serangan ke atas orang awam, termasuk dengan cara meledakkan bom. Bahkan, demi mengelakkan ditangkap dan kemudian didera sehingga membocorkan rahsia penggerak, maka relawan tadi bersikap

⁵ Petikan dari tulisan Mahfuh Halimi “JI’s Jihad Ideology, Bai’ah & Ummah”

sebagai pengebom nekad – meledakkan bom sekaligus membunuh diri mereka.

- **Mengelirukan konsep fardu**

Urusan Muslim di dunia dapat dibahagikan dua iaitu - *Fardu 'Ain* dan *Fardu Kifayah*. *Fardu 'Ain* itu adalah sesuatu yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim yang sudah baligh seperti solat, zakat, puasa dan menunaikan haji. Manakala *Fardu Kifayah* ialah perbuatan yang wajib dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan anggota masyarakat Islam, tanpa melihat siapa yang mengerjakannya. Apabila telah dilakukan maka hilanglah tuntutan kewajiban itu terhadap orang lain. Tetapi apabila tidak ada seseorang pun yang melakukannya, maka semuanya berdosa, seperti mendirikan tempat beribadat, rumah sakit, menyembahyangkan mayat dan sebagainya.

Dengan perkataan lain, *Fardu Kifayah* adalah kefarduan yang wajib dikerjakan oleh seseorang atau satu kumpulan yang mewakili masyarakat Islam, sebuah daerah Islam, negeri ataupun negara. Apabila kefarduan itu telah disempurnakan, maka kewajiban tersebut menjadi gugur bagi seluruh anggota masyarakat yang terlibat.

Manakala *jihad fi sabilillah* merupakan *Fardu Kifayah* sebagaimana maksud ayat berikut:

*"Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang mu'min itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak berangkat dari tiap-tiap golongan antara mereka beberapa orang untuk mendalami pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya supaya mereka itu dapat menjaga dirinya."*⁶

[Pengertian *jihad* sebagai perjuangan Islam dalam ayat di atas menunjukkan selain membela diri (menuju ke medan perang), umat Islam difardukan berjuang (*berjihad*) untuk mencari ilmu dan mengajarkannya. Ini

⁶ Surah At-Taubah:122

kerana jika semua orang berperang, siapakah yang tinggal untuk menyebarkan Islam?]⁷

- **Perang Demi Bela Diri dan Tidak Melampau**

Ayat pertama yang telah diturunkan pada 1 Hijriah (selepas berhijrah dari Mekah ke Madinah) yang membenarkan pertempuran:

"Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiyai. Dan sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa menolong mereka itu. (iaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali kerana mereka berkata: "Tuhan kami hanyalah Allah." Dan kalaulah tidak kerana Allah mempertahankan manusia terhadap sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan tempat-tempat pertapaan orang-orang Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid⁸, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa."⁹

⁷ Petikan dari tulisan Mahfuh Halimi “JI’s Jihad Ideology, Bai’ah & Ummah”

⁸ Ertinya “Kalaulah tidak kerana adanya syariat Allah membenarkan berperang, maka pada zaman dahulu sudah pun banyak terjadi tindakan meruntuhkan rumah-rumah ibadat”.

⁹ Surah Al-Hajj:39-40

Berperang demi bela diri diizinkan oleh Allah SWT tetapi tanpa keganasan iaitu merobohkan rumah peribadatan ("rumah-rumah pertapaan, gereja-gereja Nasrani dan masjid-masjid.") Jelas Allah memberikan hak kebebasan beragama atau menjalankan hidup kepada umat bukan Islam, asalkan mereka tidak memusuhi umat Islam.

Selanjutnya Allah swt mengingatkan umat Islam ketika berperang agar jangan melampaui batas:

"Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas. Dan bunuhlah mereka di mana saja kamu jumpai mereka, dan usirlah mereka dari tempat mereka telah mengusir kamu (Mekah) dan fitnah itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan, dan janganlah kamu memerangi mereka di Masjidil-haram, kecuali jika mereka memerangi kamu di tempat itu. Jika mereka memerangi kamu (di tempat itu), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang kafir. Kemudian jika mereka berhenti (dari memusuhi kamu), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) ketaatan itu hanya semata-mata untuk Allah. Jika mereka berhenti (dari memusuhi kamu),

maka tidak ada permusuhan (lagi), kecuali terhadap orang-orang yang zalim.”¹⁰

[Syarat perang agar tidak ‘melampaui batas’ telah ditegaskan oleh Rasulullah saw yang meliputi – tidak membunuh orang awam, wanita, kanak-kanak, orang tua, memusnahkan harta benda sehingga pokok-pokok. Kebanyakan *mufassirun*, bersetuju bahawa perkataan ‘la ta’tadu’ itu bermakna ‘jangan melakukan kekerasan’ sementara ‘al-mu’tadin’ pula bermakna ‘mereka yang melakukan kekerasan. Perkataan ‘fi sabillillah’ yang dirujuk kembali kepada ‘hanya mereka yang memerangi kamu’ dan telah dihuraikan di dalam surah Al-Hajj:39.]¹¹

Al-Qur'an memerintahkan umat Islam hidup aman di mana jua, termasuk dengan orang berlainan agama, selain suasana aman dan harmoni terjamin. Ini terpapar dalam maksud firman-Nya:

“Allah tiada mlarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangi kamu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.”¹²

- **Salah Faham Erti Mati Syahid**

¹⁰ Surah Al-Baqarah:190-193

¹¹ Petikan dari tulisan Mahfuh Halimi “ JI's Jihad Ideology, Bai'ah & Ummah”

¹² Surah Al-Mumtahinah: 8

“...dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar....”¹³

Islam menegah membunuh diri atau merosakkan diri sendiri dan membunuh orang lain. Larangan ini amat jelas dalam Al-Quran dan pertegas dalam Sunnah. Tetapi lain halnya dalam soal terkorban dalam menegakkan kebenaran agama. Yang terkorban itu akan mendapat makam syahid atau bertaraf ‘syuhada’ . [Syahid kerana berperang demi membela Islam diberi pahala khusus dan ini dipanggil *syahid dunia dan akhirat*. Selain daripada itu terdapat juga syahid yang lain iaitu, *syahid akhirat sahaja* dan *syahid dunia sahaja*. Oleh itu syahid terbahagi kepada tiga:

1. Syahid dari segi hukum dunia dan akhirat, iaitu syahid dalam perang khusus dengan niat membela Islam. Hukum dunia terhadap syahid ini ialah tidak dimandikan dan tidak disolatkan, demikian menurut pendapat majoriti ulama. Yang terkorban itu mendapat pahala khas kerana mati syahidnya yang sempurna.
2. Syahid dari segi hukum dunia saja, menurut mazhab Syafi'i, ialah orang yang terbunuh dalam peperangan menentang orang kafir (bukan khusus membela Islam). Atau, seseorang itu menyembunyikan harta rampasan perang, dan dibunuh sewaktu sedang melarikan diri dari medan peperangan atau dia memasuki peperangan untuk mendapat nama atau sebagainya.
3. Syahid dari segi hukum akhirat meliputi orang yang terbunuh kerana dizalimi atau menderita wabak seperti kolera, mati lemas, mati ketika merantau mencari kehidupan yang lebih baik, mati semasa menuntut ilmu, mati kerana percintaan atau ditindas oleh pihak yang kejam.

Rasulullah saw juga telah bersabda:-

“Yang mati syahid itu lima, yang kena taun, yang sakit perut, yang lemas (karam) yang runtuh sesuatu ke atasnya dan yang mati syahid pada jalan Allah.”¹⁴

Ganjaran syahid di sisi Allah swt amat tinggi sebagaimana maksud firman-Nya:

¹³ Surah Al-An'am:151

¹⁴ Petikan dari “Fiqh & Perundangan Islam, Jilid II – Syahid Pada Jalan Allah” ms 576 - 585 oleh Wahbah Al-Zuhaili.

“Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki; (dan juga) mereka bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudaranya) orang (Islam yang sedang berjuang), yang masih tinggal di belakang, yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka, (iatu) bahawa tidak ada kebimbangan (dari belakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berduka cita. Mereka bergembira dengan balasan nikmat daripada Allah dan limpah kurnianya; dan (ingatlah) bahawa Allah tidak menghilangkan pahala orang yang beriman.¹⁵

Golongan pengganas telah menyelewengkan maksud ‘syahid’ dengan memasukkan ke dalam pengertiannya, relevan yang mati dalam membuat serangan nekad dengan cara meledakkan diri sendiri di tengah-tengah orang awam atau untuk memusnahkan kemudahan awam. Inilah cara pengganas cuba memesong *jihad* kepada syahid demi memikat para relawan. Teknik ini juga dijadikan asas dalam faham atau ideologi gerila sekular seperti IRA atau LTTE yang membunuh orang awam dan membunuh diri sendiri dengan meledakkan bom.

- **Hebahan sebagai Perang Agama**

Punca utama kekeliruan mengenai *jihad*, menurut satu tinjauan Council of Islam-American Relations (CAIR yang berpangkalan di Washington, DC Amerika Syarikat) ialah Dunia Barat sudah mengistilah dan menghebahkan *jihad* sebagai ‘*holy war*’ (perang suci) yang senantiasa terdapat dalam minda orang Islam di mana jua mereka berada.

¹⁵ Surah Ali-Imran:169 - 171

Tanggapan Barat dapat disusur sejak zaman Perang Salib, lebih 1,000 tahun lalu, untuk menawan Baitulmakdis (Jerusalem). Tentera pelbagai kerajaan Eropah dan juga askar upahan telah dikerahkan oleh Vatican agar merampas kembali Baitulmakdis dari tangan umat Islam, setelah kejatuhan empayar Rom. Sejak itulah, kebencian terhadap Islam terjadi.

Selepas saja peristiwa 9/11, masih terpapar kebencian terhadap Islam di Amerika Syarikat yang dicetuskan oleh kalangan pemimpin agama Kristian yang cuba mencetuskan kembali kebencian serupa perang Salib. Antara mereka ialah Jerry Falwell yang menyatakan Al-Quran mengizinkan perang dan keganasan. Malangnya Falwell enggan berdialog dengan para pemimpin Islam untuk membetulkan kekeliruannya.

Jadi, erti '*jihad*' menjadi semacam fobia (ketakutan) kepada orang bukan Islam. Malangnya, apabila berlaku peristiwa 9/11, maka fobia tadi seolah-olah mengesahkan apa yang sekian lama digeruni oleh Barat. Mentelah kalangan umat Islam sendiri, yang walaupun segelintir, menganggap mereka perlu memerangi Barat yang telah merampas hak mereka .

Kesimpulannya ialah umat Islam dimestikan untuk hidup secara aman damai dengan mereka yang bukan Islam menerusi cara perundangan demi mengelakkan permusuhan atau kekejaman. Oleh kerana strategi damai yang menekankan hak bersuara, peningkatan ilmu, ekonomi dan sosial harus diteruskan untuk membela nasib umat Islam.

Islam telah mengiktiraf kebebasan beragama dan hidup harmoni untuk semua penganut agama. Islam adalah agama yang memuliakan seluruh insan berketurunan Nabi Adam a.s. sebagaimana firmannya :

*Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam,
dan Kami mengangkat mereka di darat dan di lautan. Dan
Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami*

lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.¹⁶

Adakah jihad dengan senjata satu-satunya cara untuk menyebarkan ajaran Islam? Peperangan itu mempunyai dua matlamat: Pertama ialah untuk menghalang kekejaman yang akan berlaku dan kedua untuk mengharungi segala rintangan dalam penyebaran Da'wah Islam. Peperangan Badr, Uhud, Khandaq dan sebagainya merupakan beberapa contoh di antara peperangan yang dilakukan untuk menolong mereka yang tertindas. Allah telah berfirman:

“...dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya.”¹⁷

Penaklukan Makkah dilakukan untuk menghalang kekerasan yang berlaku setelah kaum Quraish memungkiri kedamaian bersama Rasullullah saw di Hudaibiyah; perkara yang sama juga berlaku pada ekspedisi Perang Tabuk dan ekspedisi yang lainnya. Ia juga membuka jalan kepada umat Islam untuk meninggalkan Madinah dan menyebarkan seruan Islam ke seluruh pelusuk dunia kerana Islam itu adalah agama yang universal. Oleh kerana Jihad telah diharuskankan dalam Islam dan Nabi Muhammad saw telah mengatakan bahawa dia telah diutus oleh Allah swt untuk berjihad kepada mereka yang kufur dan penghidupannya ‘terikat’ kepada temaranya sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Ahmad oleh Ibn ‘Umar, kita harus memahami bahawa Islam itu mengalakkan umatnya untuk memperolehi kuasa yang paling tinggi sekali. Kerana itulah, Islam pada masa itu dikatakan sebagai satu penguasaan baru dan dijangka akan “diserang” oleh kuasa-kuasa yang telah lama wujud untuk mengelakkan ia daripada beradu kuasa sesama – suatu pertempuran yang lazim pada seluruh zaman.

Islam sebagai suatu agama yang baru harus dipertahankan untuk membuktikan kekuatannya serta menyebarkan dakwahnya. Jika Islam itu sesuatu yang sementara sahaja, tentu sekali peperangan itu bertujuan untuk pertahanan tetapi Islam itu adalah agama yang universal yang harus disebarluaskan dan dikembangkan luas ke seluruh pelusuk dunia. Namun, hanya kerana pada masa itu, perjalanan yang diambil untuk

¹⁶ Surah Al-Israa:70

¹⁷ Surah Al-Anfal:72

menyebarluaskan dakwah Islam sentiasa diharungi dengan bahaya oleh penentangan musuh, jadi membekalkan diri dengan senjata hanyalah wajar untuk menyebarluaskan ajaran Islam.

Jikalau senjata digunakan untuk menghapuskan halangan-halangan atau rintangan pada masa lalu, misi utamanya sekarang ialah untuk mempertahankan Islam dan daripada mereka yang ingin memudaratkan mereka yang memeluknya. Untuk menyebarluaskan ajaran Islam, ada beberapa cara yang boleh dilakukan antaranya melalui suratkhabar, buku-buku, internet dan lain-lain cara yang tidak mempunyai batasan. Namun, stesen-stesen radio mempunyai kuasa untuk menginjak kepada khalayak ramai yang berada di rumah hingga jika mereka berada di atas katil pun, mereka masih boleh dapat menerima segala maklumat. Dan maklumat ini tidak dapat dihalang oleh sesiapa pun.

Kefahaman lahiriah dengan keabsahan berperang seperti mana yang tercatit di dalam Al-Quran dan hadith yang tertentu mungkin memberikan gambaran bahawa Islam telah berkembang dengan paksaan dan jika ia tidak berkembang dengan paksaan, ia tidak akan dapat menjadi satu agama yang mempunyai kuasa dan pengaruh di banyak negara serta dianuti oleh kebanyakan manusia. Tapi bagaimanakah kenyataan ini boleh dikaitkan dengan Islam, suatu agama yang hanya membawa rahmat? Allah telah berfirman:

Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada kedamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.¹⁸

Rasulullah saw juga telah bersabda:

“Wahai manusia! Jangan bercita-cita untuk menghadapi musuh (di dalam suatu pertempuran) itu dan menyuruh Allah menyelamatkan mu (daripada bencana) tetapi jika kamu harus menghadapi musuh itu, sabarlah dan biar kamu tahu bahawa syurga itu di bawah lorekan pedang-pedang.”

Seruan kepada Islam bukan bermakna untuk memaksakannya terhadap sesiapa pun, kerana setiap manusia diberi kebebasan untuk menentukan pilihan masing-masing. Sesuatu pegangan itu tidak boleh disebarluaskan melalui pedang. Allah swt telah berfirman:

¹⁸ Surah Al-Anfal: 61

Berkata Nuh : Wahai kaumku, bagaimana pendapatmu sekiranya aku mempunyai bukti yang nyata dari tuhanku dan diberikannya aku rahmat dari sisiNya, tetapi rahmat itu disamarkan bagimu. Apakah akan kami paksa kamu menerima padahal kamu tidak menyukainya?"¹⁹

Allah telah berfirman kepada Nabi Muhammad saw:

...maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?²⁰

Walaupun ada beberapa ayat yang khususnya menjelaskan tentang perintah untuk berperang, ada juga beberapa ayat yang melarangnya kecuali untuk menghalang dari keganasan ataupun membuatkannya sebagai denda kerana melanggar syariah Islam.
Allah telah berfirman:

...perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh".²¹

¹⁹ Surah Hud: 28

²⁰ Surah Yunus: 99

²¹ Surah Al-Baqarah:190

Dan juga berkata:

Dan jika mereka mencabuli sumpahnya sesudah mengikat perjanjian setia dan mereka pula mencela agama kamu, maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu, kerana sesungguhnya mereka tidak menghormati sumpah janjinya, supaya mereka berhenti (dari kekufuran dan bertaubat).²²

Malah, ayat sebelumnya memperincikan makna ayat demikian:

...dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu..²³

Kepada mereka yang menyeru untuk bersiap sedia dengan senjata untuk mengubah keadaan masa kini yang dialami oleh masyarakat Islam, kita telah berkata dahulu bahawa apa sahaja reformasi yang berlandaskan kekerasan tidak akan dapat mencapai tujuannya. Tambahan lagi, menguatkuasakan sesuatu haruslah mempunyai persiapan serta perancangan termasuk kajian yang teliti sebelum bermula dengan peperangan. Namun ia tidaklah bermaksud bahawa Jihad itu adalah sesuatu yang tidak penting. Jihad akan berterusan hingga ke hari kiamat dan melalui segala cara pun. Ini ketara sekali dengan sebuah hadith oleh Abu Dawud yang berbunyi:

"Jihad akan berterusan daripada hari aku dihantarkan oleh Allah swt sehingga orang yang terakhir daripada kaum ku akan memerangi Dajjal, ia tidak akan terhenti dengan penindasan ataupun pekengangan."

*Hads ini melambangkan kesimbungan Jihad di segala bidang termasuklah Jihad peperangan, adalah element yang integral; kenyataan ini ketara dengan merujuk kembali kepada peperangan antara Dajjal. **Wallahu a'lam**"²⁴*

²² Surah At-Taubah:12

²³ Surah At-Taubah:36

²⁴ Terjemahan petikan Fatwa-'Makna Jihad di dalam Islam' dari Fatwa Bank. <http://www.islamonline.net/fatwa>.